

Headline	8,000 lagi rumah untuk rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	222 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,360



8,000 lagi rumah untuk rakyat

KOTA BHARU - Sebanyak 92,645 permohonan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) diterima dan dinilai Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), hingga hujung Januari lalu.

Pengerusi SPNB Mesra Sdn Bhd, Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 49,679 unit telah diluluskan.

"41,890 unit telah berjaya disiapkan, 5,316 unit dalam proses pembinaan dan 2,473 sedang dalam peringkat dokumen perjanjian. 30,914 permohonan telah ditolak dan 12,052 permohonan kini masih di dalam senarai menunggu.

"Dalam masa sama juga, untuk tahun ini, kami dipertanggungjawabkan untuk bina 3,000 unit rumah untuk Rumah Mesra Rakyat dan 5,000 unit untuk Rumah Mesra Felda," katanya.

Beliau hadir Majlis Pecah tanah kediaman Hasni Hashim yang terlibat dalam kebakaran, awal bulan lepas.

Turut diadakan, Majlis Penyerahan Inden Kerja RMR1M Peringkat Parlimen Kota Bharu, di Kampung Surau Kota, disini.



Hasni (empat, kiri) diberi peluang memotong riben sambil diperhatikan Mohamed Hasnan (empat, kanan) semalam.

Menurutnya, sehingga 31 Januari lalu, sebanyak 11,670 permohonan telah diterima melibatkan negeri ini dan 7,149 permohonan telah diluluskan dan 6,134 unit rumah telah berjaya disiapkan, manakala 776 unit dalam pembinaan dan 239 permohonan lagi sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

Beliau juga memberitahu, RM448.2 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan RMR1M di negeri ini dan daripada jumlah tersebut, RM141.58 juta subsidi telah diberikan kepada pemohon yang layak.

Sementara itu, Hasni Hashim, 36, ketika ditemui berkongsi rasa bersyukur dan

terharu dengan langkah yang diambil kerajaan dalam membantunya menggantikan kediaman baru selepas rumah yang didudukinya bersama kedua-dua ibu bapa terbakar bulan lalu.

"Saya berharap agar rumah yang akan dibina ini siap sebelum Hari Raya nanti. Ibu bapa saya sudah uzur, sekarang ini kami menumpang di rumah abang saya.

"Memandangkan rumah yang terbakar itu adalah peninggalan nenek kepada kedua-dua ibu bapa, maka besar harapan saya untuk ganti balik rumah mereka itu. Insya-ALLAH saya yakin kerajaan akan melaksanakannya sebaik mungkin," katanya.